

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 JULAI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10

Kemiskinan diramal lebih teruk

Kemiskinan diramal lebih teruk

Susulan peningkatan dua kali ganda ketua isi rumah miskin tegar di Malaysia tahun ini

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SHAH ALAM

Masalah kemiskinan di negara ini pada tahun hadapan dijangka lebih serius kerana gaji minimum yang diterima hanya sekadar cukup makan.

Pakar Ekonomi, Profesor Dr Barjoi Bardai berkata, angka ketua isi rumah miskin tegar di-ramal meningkat pada 2023.

"Masalah kemiskinan di negara ini pada tahun depan di-jangka lebih serius kerana pen-



BARJOYAI

dapatan minimum kita sebanyak RM1,500 hanya cukup untuk belanja makan dan ia berada di bawah pendapatan kadar kemiskinan mutlak RM2,208.

"Sedangkan, kos sara hidup sudah meningkat lebih daripada lima peratus dan sesetengah barang naik harga kira-kira 10

peratus," katanya.

Sinar Harian pada Isnin melaporkan bilangan ketua isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin tegar kini meningkat kepada 144,932 setakat 30 Jun lalu, susulan penggunaan metodologi pendapatan garis kemiskinan (PGK) 2019 dan impak pandemik Covid-19. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata,

Jumlah itu meningkat lebih dua kali ganda berbanding 44,829 ketua isi rumah dalam kumpulan itu pada tahun 2020.

Barjoi menegaskan, disebabkan kenaikan kos sara hidup Majlis Perumahan Negara (MPN) sekarang telah menggunakan cuma dua kategori bagi penentuan pendapatan isi rumah iaitu B70 dan M30.

Katanya, peningkatan dua kali ganda ketua isi rumah miskin tegar di Malaysia pada tahun ini mengesahkan program pembasmian kemiskinan oleh kerajaan secara berterusan sejak awal kemerdekaan belum berjaya.

Tegasnya, program basmi kemiskinan tidak akan berjaya dengan pemberian subsidi kepada rakyat semata-mata, se-

baliknya ia perlu ditangani dan akar umbi iaitu membantu rakyat meningkatkan pendapatan.

"Kerajaan mungkin tidak boleh kurangkan kos sara hidup tetapi boleh bantu golongan bergaji bawah RM2,208 untuk tambah pendapatan mereka.

"Caranya, boleh keluarkan mereka daripada sektor pekerjaan makan gaji dan mula-mulaan perniagaan. Dengan itu, pendapatan bulanan mereka meningkat," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan juga boleh memberikan latihan kepada individu untuk menjadi pekerja terlatih dan mahir, sekali gus membolehkan mereka menikmati tangga gaji lebih tinggi.

Laporan *Sinar Harian* pada Selasa.

Ketua isi rumah miskin tegar meningkat lebih dua kali ganda

KUALA LUMPUR: Bilangan ketua isi rumah di Malaysia yang dikategorikan sebagai miskin tegar kini meningkat kepada 144,932 setakat 30 Jun lalu, susulan penggunaan metodologi pendapatan garis kemiskinan (PGK) 2019 dan impak pandemik Covid-19. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, jumlah itu meningkat lebih dua kali ganda berbanding 44,829 ketua isi rumah dalam kumpulan itu pada tahun 2020.

Barjoi menegaskan, disebabkan kenaikan kos sara hidup Majlis Perumahan Negara (MPN) sekarang telah menggunakan cuma dua kategori bagi penentuan pendapatan isi rumah iaitu B70 dan M30.

Mustapa berkata, peningkatan dua kali ganda ketua isi rumah miskin tegar di Malaysia pada tahun ini mengesahkan program pembasmian kemiskinan oleh kerajaan secara berterusan sejak awal kemerdekaan belum berjaya.

Tegasnya, program basmi kemiskinan tidak akan berjaya dengan pemberian subsidi kepada rakyat semata-mata, sebaliknya ia perlu ditangani dan akar umbi iaitu membantu rakyat meningkatkan pendapatan.

"Kerajaan mungkin tidak boleh kurangkan kos sara hidup tetapi boleh bantu golongan bergaji bawah RM2,208 untuk tambah pendapatan mereka.

"Caranya, boleh keluarkan mereka daripada sektor pekerjaan makan gaji dan mula-mulaan perniagaan. Dengan itu, pendapatan bulanan mereka meningkat," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan juga boleh memberikan latihan kepada individu untuk menjadi pekerja terlatih dan mahir, sekali gus membolehkan mereka menikmati tangga gaji lebih tinggi.

Laporan *Sinar Harian* pada Selasa.